Selamat Datang Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia



# Bapa, anak teruja terima ijazah hari yang sama

Oleh: Azman Zakaria




SERDANG, 30 Okt - Di sebalik kesukaran kerana terpaksa berulang alik dari Sabah ke Universiti Putra Malaysia (UPM) tiga atau empat kali setiap semester, seorang bapa Murhqah Mohd Neng berjaya menukil episod gembira apabila memperoleh ijazah bersama dengan anak perempuannya, hari ini.

Murhqah, 49, dari Sandakan memperoleh ijazah Master Pengajian Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama, manakala anaknya Nur Elyqah, 23, memperoleh Bacelor Sains (Pengurusan Perkhidmatan Makanan) pada Majlis Kovokesyen ke-42 UPM di sini.

Kedua-dua menyatakan mereka amat teruja dan sama sekali tidak menduga akan memperoleh ijazah pada hari yang sama, terutamnaya kerana mereka mengikuti program pengajian yang berbeza.

"Ini adalah detik indah kami dalam pendidikan sebagai ayah dan anak," kata mereka.

Murhqah, guru Sekolah Kebangsaan Sungai Padas, Sandakan yang mengikuti Program Pengajian Jarak Jauh (PJJ) berkata pelbagai cabaran terpaksa ditempuh dalam mengejar cita-cita dan yang paling mencabar ialah perlu berulang alik ke Semenanjung tiga atau empat kali setiap semester dari tempat tinggalnya di kawasan pedalaman.

"Saya juga perlu peruntukkan wang yang cukup untuk kos pengajian selama empat semester, termasuk kos tiket kapalterbang," katanya.

B1542007339

LIHAT JUGA


ADUN Kota Anggerik peroleh ijazah MBA UPM (/berita/adun_kota_anggerik_peroleh_ijazah_mba_upm-45723)


PELAKON BUAT LIMA KERJA SATU MASA MAMPU RAIH MBA (/berita/pelakon_buat_lima_kerja_satu_masa_mampu_raih_mba-45721)


Bapa, anak teruja terima ijazah hari yang sama (/berita/bapa_anak_teruja_terima_ijazah_hari_yang_sama-45719)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
1800 22 5587
+603 8948 7273
@ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

"Saya tidak menduga langsung dapat berkumpul dengan Nur Elyqah… sama-sama hadir dalam majlis konvokesyen pada hari yang sama," katanya.

BM

Nur Elyqah, yang mengikuti pengajian sepenuh massa di UPM pula berkata, beliau bersyukur kerana bersama bapanya mereka masing-masing dapat meraikan kejayaan.

"Amat jarang bapa dan anak menerima ijazah pada hari dan majlis konvosyen yang sama," kata anak bongsu daripada tiga beradik itu.



Sepanjang pengajian di UPM, katanya, beliau hanya pulang ke kampung halaman dua kali setahun.

"Pengorbanan itu berbaloi dengan ijazah yang diterima ini," katanya yang mahu menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi. - UPM

Tarikh Input: 09/11/2018 | Kemaskini: 09/11/2018 | hairul_nizam

**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=http%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fbapa_anak_teruja_terima_ijazah_hari_yang_sama-45719&title=Bapa%2C%20Anak%20Teruja%20Terima%20Ijazah%20Hari%20Yang%20Sama%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#google_plus)

(/#linkedin) (/#email) (/#copy_link)

(/#wordpress) (/#print)

**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

1800 22 5587

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my



© 2018 Universiti Putra Malaysia

AACSB ACCREDITED

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

B1542007339

B1542007339